

Johor sasar pelepasan gas CO₂ 45 peratus

26 Januari 2016 12:15 AM

SEGAMAT 25 Jan.— Kerajaan negeri menyasarkan pelepasan gas karbon dioksida (CO₂) dapat dikurangkan kira-kira 45 peratus menjelang 2025 menerusi peranan dan fungsi Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI).



Ayub Rahmat

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, bagi mencapai sasaran tersebut pelbagai usaha sudah dan sedang dilakukan kerajaan negeri dalam tempoh sembilan tahun ini.

“Antaranya menjadikan Felda Taib Andak di Kulai sebagai perkampungan low carbon society (persekitaran rendah karbon) yang mengaplikasikan konsep 3R iaitu pengurangan (reduce), penggunaan semula (reuse) dan kitar semula (recycle).

“Kita juga sudah menanam pelbagai jenis pokok di kawasan tersebut dan sekitar Wilayah Pembangunan Iskandar bagi memastikan pelepasan gas CO₂ ini dapat diserap oleh pokok tersebut,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemelah berkata demikian selepas merasmikan Majlis Anita Nation Ride-Kami Prihatin bersama Kami Anak Felda (KAF) Kemelah di Dewan Serbaguna Felda Kemelah, dekat sini hari ini.

Menurutnya, MTHPI yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin turut mempunyai empat jawatankuasa iaitu adaptasi, kejurangan hijau, industri dan pembangunan yang diketuai barisan exco kerajaan negeri.

Katanya, selain itu, MPTHI menggalakkan aktiviti dan program yang menyokong pembangunan teknologi dan kejurangan hijau dan perubahan iklim agar pembangunan bandar rendah karbon di seluruh Johor dapat diselaraskan.

“Penubuhan MTHPI ini seiring dengan tahap kesedaran masyarakat yang kian meningkat serta kepesatan pembangunan di negeri ini dan pada masa sama masalah penipisan ozon dapat dikawal.

“Kesemua jawatankuasa tersebut juga bertanggungjawab merangka strategi terbaik dan segala penyelarasan tindakan MTHPI diselaraskan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA),” katanya.